



BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH  
JABATAN PERDANA MENTERI

# GARIS PANDUAN PENILAIAN DAN PEMERAKUAN CADANGAN PROJEK KUARTERS BAHARU

---

## NEW QUARTERS DEVELOPMENT APPROVAL COMMITTEE (QAC)

Seksyen Dasar Dan Pembangunan  
Bahagian Pengurusan Hartanah  
Jabatan Perdana Menteri

🏠 Aras 6, Blok F6, Kompleks F

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Lebuhr Perdana Timur, Presint 1  
62000 PUTRAJAYA

☎ 03-8091 8844 / 8846

📠 03-8091 8836

🌐 <http://www.bph.gov.my/>

# ISI KANDUNGAN

---

1.0	PENGENALAN .....	3
2.0	PERATURAN PENTADBIRAN.....	4
3.0	PERMOHONAN KEMENTERIAN/AGENSI.....	5
4.0	PROSES SEMAKAN PERMOHONAN.....	6
5.0	PENILAIAN DAN PEMERAKUAN PERMOHONAN.....	7
6.0	KEPUTUSAN PERMOHONAN .....	9
7.0	CARTA ALIR PROSES.....	10
8.0	LAMPIRAN .....	11
	Lampiran 1.....	12
	Lampiran 2.....	14
	Lampiran 3.....	15
	Lampiran 4.....	17
	Lampiran 5.....	22

## 1.0 PENGENALAN

---

Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada Bahagian Pengurusan Hartanah untuk melaksanakan penilaian dan pemerakuan cadangan projek kuarters baharu oleh Kementerian dan Agensi yang mengemukakan permohonan bajet di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA).

Di dalam Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025: Prospek Ekonomi, Kerangka Keberhasilan Bersepadu Nasional Serta Perancangan Dan Pelaksanaan Projek Pembangunan menyatakan “**Bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan projek kuarters, semua cadangan projek baharu akan dinilai dan diperaku kepada MEA oleh Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (BPH, JPM)**”.

Bagi melaksanakan penilaian dan pemerakuan cadangan projek kuarters baharu, BPH, JPM telah menubuhkan satu **Jawatankuasa Pemeraku Projek Kuarters Baharu atau *New Quarters Development Approval Committee (QAC)*** yang bertanggungjawab untuk menilai dan memperaku cadangan projek kuarters baharu yang dikemukakan oleh Kementerian/Agensi berkaitan kepada BPH, JPM.

Penilaian dan pemerakuan cadangan projek kuarters baharu oleh BPH, JPM adalah bagi membantu Kementerian/Agensi membuat perancangan projek pembangunan kuarters dilaksana selaras dengan garis panduan RMKe-12 yang menetapkan agar semua Kementerian/Agensi diminta memberi kerjasama sepenuhnya dalam penyediaan RMKe-12, iaitu pelan indikatif hala tuju pembangunan negara dalam tempoh 2021-2025 untuk menjayakan agenda pembangunan negara ke arah kemakmuran bersama.

## 2.0 PERATURAN PENTADBIRAN

---

2.1 Peraturan pentadbiran ini disebut sebagai garis panduan dan hendaklah dibaca bersama dengan

2.1.1 Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025: Prospek Ekonomi, Kerangka Keberhasilan Bersepadu Nasional Serta Perancangan Dan Pelaksanaan Projek Pembangunan

2.1.2 Terma Rujukan Pemeraku Projek Kwarters Baharu atau *New Quarters Development Approval Committee (QAC)*

2.2 Dalam peraturan ini jika istilah khusus tidak dituliskan maka perkataan-perkataan di bawah ini membawa makna berikut:-

- a) **Kementerian/Agensi** ialah semua agensi Kerajaan yang diketuai oleh Menteri.
- b) **Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH)** ialah agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang menguruskan penilaian dan pemerakuan cadangan projek kwarters baharu.
- c) **RMKe-12** ialah Rancangan Lima Tahun Malaysia, 2021-2025.
- d) ***New Quarters Development Approval Committee (QAC)*** ialah jawatankuasa yang dibentuk terdiri daripada ahli yang dipilih untuk menilai dan memperaku cadangan projek kwarters baharu yang dipengerusikan oleh Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri.

## 3.0 PERMOHONAN KEMENTERIAN/AGENSI

---

- 3.1 Surat Edaran Penilaian Dan Perakuan Pembinaan Projek Kuarters Baharu Di Kementerian, Jabatan Dan Agensi Persekutuan yang ditandatangani oleh YBhg. Datuk Seri Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM telah diedarkan kepada semua Kementerian pada 24 Februari 2021.
- 3.2 Surat tersebut memaklumkan bahawa BPH, JPM telah menubuhkan Jawatankuasa Pemerakuan Kuarters Baharu atau *New Quarters Development Approval Committee* (QAC) bertujuan untuk menilai dan memperaku sebarang cadangan pembinaan kuarters baharu Kerajaan Persekutuan. Penubuhan Jawatankuasa tersebut selaras dengan peruntukan di dalam Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 bertarikh 19 Disember 2019.
- 3.3 Cadangan-cadangan projek yang melibatkan skop pembinaan kuarters perlu dikemukakan kepada Jawatankuasa QAC untuk dinilai dan diperakuan sebelum permohonan projek tersebut diangkat kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM).
- 3.4 Kementerian/Agensi perlu mengemukakan permohonan secara bertulis melalui surat dengan menyatakan perincian projek dan kriteria-kriteria yang diperlukan oleh BPH seperti di **Lampiran 1**.
- 3.5 Surat permohonan tersebut perlu dialamatkan kepada:-
- Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Hartanah  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 8, Blok F6, Kompleks F  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Lebuh Perdana Timur, Presint 1  
**62000 PUTRAJAYA***

## 4.0 PROSES SEMAKAN PERMOHONAN

---

- 4.1 Semua permohonan yang diterima akan direkodkan dan disemak dalam tempoh 14 hari daripada tarikh surat permohonan diterima.
- 4.2 Urusetia akan membuat semakan semua permohonan yang diterima untuk memastikan maklumat permohonan yang dikemukakan adalah lengkap untuk tujuan syor kepada Jawatankuasa QAC.
- 4.3 Urusetia akan membuat semakan permohonan yang diterima berdasarkan kepada lima (5) krtieria penilaian berikut:
  - 4.3.1 Cadangan pembangunan projek kuarters baharu memenuhi keperluan.
  - 4.3.2 Tiada unit kuarters kosong di sekitar kawasan cadangan pembangunan.
  - 4.3.3 Kadar sewaan rumah 10km radius daripada tapak cadangan pembangunan kuarters melebihi kadar potongan kuarters.
  - 4.3.4 Terdapat perancangan Pembangunan Rancangan Tempatan di kawasan berhampiran.
  - 4.3.5 Perjawatan bagi lokasi kuarters melebihi bilangan unit kuarters baru yang ingin dibina.
- 4.4 Senarai semak permohonan Cadangan Pembangunan Projek Kwarters Baharu adalah seperti di **Lampiran 2**.
- 4.5 Permohonan yang tidak lengkap akan dikuiiri melalui surat untuk meminta supaya Kementerian/Agensi pemohon mengemukakan maklumat tambahan seperti yang diperlukan.

## 5.0 PENILAIAN DAN PEMERAKUAN PERMOHONAN

---

- 5.1 Permohonan cadangan projek kuarters baharu yang telah disemak lengkap akan dipertimbangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemerakuan Kuarters Baharu atau *New Quarters Development Approval Committee* (QAC), BPH, JPM.
- 5.2 QAC ditubuhkan bertujuan untuk menilai dan memperaku permohonan cadangan pembinaan kuarters baharu Kerajaan Persekutuan.
- 5.3 QAC bersidang sekurang-kurangnya **sekali (1) setahun** atau mengikut keperluan Pengerusi QAC bagi mempertimbangkan permohonan yang diterima.
- 5.4 Garis panduan pelaksanaan penilaian dan pemerakuan cadangan projek kuarters baharu ini dibaca bersama Terma Rujukan QAC yang telah dibangunkan.
- 5.5 Penilaian dan pemerakuan ke atas permohonan cadangan projek kuarters baharu yang dimohon oleh Kementerian/Agensi akan dipertimbangkan mengikut wajaran pemarkahan yang telah ditetapkan untuk setiap kriteria seperti Jadual 1 berikut:-

Jadual 1 Wajaran Kriteria Penilaian dan Pemerakuan Permohonan Cadangan Projek Pembinaan Kuarters Baharu

Kriteria	Wajaran
i. <i>Need statement</i>	20%
ii. Kuarters sedia ada yang kosong di sekitar kawasan cadangan pembangunan	30%
iii. Kadar sewa rumah di sekitar kuarters yang dibangunkan	30%
iv. Rancangan Tempatan (RT) bagi kawasan pembinaan	10%
v. Perjawatan dan bilangan kuarters	10%
Jumlah	100%

Penerangan terperinci berhubung kriteria adalah seperti di Lampiran 3.

- 5.6 Markah minimum yang disyorkan bagi pemerakuan projek kuarters baharu adalah 80%. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa mempunyai hak untuk menetapkan markah minimum lain tertakluk kepada kesesuaian situasi.
- 5.7 Urusetia mesyuarat akan membentangkan kesemua permohonan yang diterima dengan syor-syor berikut:-
- 5.7.1 Lulus  
Markah wajaran keseluruhan adalah 80% dan ke atas.
  - 5.7.2 Tolak  
Markah wajaran keseluruhan adalah 79.9% dan ke bawah.
  - 5.7.3 Pertimbangan semula  
Urusetia memohon pendapat mesyuarat bagi menentukan markah wajaran bagi kriteria penilaian yang dibentangkan.
- 5.8 Mesyuarat QAC akan diminitkan oleh urusetia bagi tujuan rekod dan simpan.




## 6.0 KEPUTUSAN PERMOHONAN

---

- 6.1 Keputusan permohonan cadangan pembinaan projek kuarters baharu akan dipertimbangkan dan diperakukan oleh Jawatankuasa QAC dalam bentuk laporan kertas pertimbangan yang disediakan seperti di **Lampiran 4**.
- 6.2 Semua keputusan akan dimaklumkan kepada Kementerian/Agensi pemohon dan diperaku kepada MEA oleh BPH, JPM selepas tujuh (7) hari berkerja daripada tarikh mesyuarat QAC.
- 6.3 Keputusan QAC adalah muktamad selepas mesyuarat QAC diadakan.

# 7.0 CARTA ALIR PROSES



## 8.0 LAMPIRAN

---

1. Perincian Cadangan Pembangunan Projek Kwarters Baharu Untuk Penilaian Dan Pemerakuan Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri
2. Senarai Semak Permohonan Cadangan Pembangunan Projek Kwarters Baharu Untuk Penilaian Dan Pemerakuan Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri
3. Terma Rujukan (TOR) *New Quarters Development Approval Committee (QAC)*
4. Kertas Pertimbangan Permohonan Projek Kwarters Baharu Kementerian/Jabatan/Agensi Bagi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)
5. Surat Keputusan Pemerakuan Permohonan Projek Kwarters Baharu Kementerian/Jabatan/Agensi Bagi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)

**Perincian Cadangan Pembangunan Projek Kwarters Baharu Untuk  
Penilaian Dan Pemerakuan Bahagian Pengurusan Hartanah,  
Jabatan Perdana Menteri**

**A. PERINCIAN PROJEK:**

Nama Projek:	Cth- Permohonan Meroboh dan Membina Baharu Kwarters Kelas G di Puchong Kementerian/Jabatan XX
Tahun Pembinaan:	2020-2021
Kos Projek:	3,350,000.00
Kategori:	Kwarters Kelas G

**B. KRITERIA PENILAIAN**

BIL.	KRITERIA	PENJELASAN KRITERIA	CONTOH
1.	<i>Need statement</i>	Agensi perlu menjelaskan justifikasi cadangan pembangunan projek kwarters baharu (Sertakan <i>project brief</i> )	<p>a) Cadangan membina 25 Unit kwarters Kelas G ini dibuat atas permintaan yang tinggi dan jumlah kwarters sedia ada tidak mencukupi bagi kakitangan sekitar WP Kuala Lumpur.</p> <p>b) Kos penyelenggaraan dan menaiktaraf kwarters yang tinggi adalah tidak ekonomik.</p> <p>c) Saiz kwarters sedia ada mengikut reka bentuk susun atur sebelum kemerdekaan iaitu pada tahun 1956.</p> <p>d) Keadaan kwarters sedia ada yang tidak selamat untuk diduduki (kerangka telah reput dimakan anai-anai).</p>
2.	Kwarters sedia ada yang berhampiran.	Agensi perlu menjelaskan kwarters sedia ada yang kosong di sekitar kawasan cadangan pembangunan.	<p>Terdapat 6 kwarters kerajaan yang berhampiran dengan Kwarters Jabatan A di Jalan Puchong iaitu :</p> <p>a) Kwarters Kerajaan Jalan U-Thant</p> <p>b) Kwarters Kerajaan Jalan Duta</p> <p>c) Institusi Pendidikan A</p> <p>d) Institut Sosial</p> <p>e) Kwarters Hospital B</p>

BIL.	KRITERIA	PENJELASAN KRITERIA	CONTOH
3.	Kadar sewa rumah di sekitar kuarters yang dibangunkan	Agensi perlu menyatakan kadar sewaan rumah 10km radius daripada tapak cadangan pembangunan kuarters.	<p>Anggaran harga sewaan rumah di kawasan permohonan 10 km radius daripada tapak cadangan adalah seperti berikut:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Sewa bilik RM200.00 hingga RM600.00 sebulan (harga berdasarkan keluasan bilik)</li> <li>b) Sewa rumah flat/apartment RM700.00 hingga RM1,300.00 sebulan (harga berdasarkan keluasan rumah)</li> <li>c) Sewa rumah RM1,200.00 hingga RM2,000.00 sebulan</li> </ul>
4.	Rancangan Tempatan (RT) bagi kawasan pembinaan	Agensi perlu menyatakan pembangunan rancangan tempatan di kawasan berhampiran yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kawasan tersebut.	<p>Setakat ini hanya ada perancangan pembangunan untuk pembinaan :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Perumahan PRIMA dan PPAM</li> <li>b) Pembangunan Puchong South Reclamation (PSR) bagi pembangunan campuran</li> </ul>
5.	Perjawatan dan bilangan kuarters	Agensi perlu menyatakan jumlah perjawatan cawangan agensi/jabatan (Daerah/Negeri) yang boleh ditawarkan kuarters yang akan dibina.	<ul style="list-style-type: none"> <li>a) Jumlah jawatan bagi Agensi memohon: Gred 32- 1 perjawatan Gred 29 – 5 perjawatan Gred 26- 2 perjawatan Gred 22- 6 perjawatan Gred 19- 10 perjawatan Gred 14- 6 perjawatan Gred 11- 25 perjawatan</li> <li>b) Jumlah kuarters kakitangan Agensi di Puchong termasuk kuarters Pegawai adalah 44 unit Rumah.</li> </ul>

## SENARAI SEMAK

## Permohonan Cadangan Pembangunan Projek Kuarters Baharu Untuk Penilaian Dan Pemerakuan Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri

Nama Projek:	
Kementerian/Agensi:	
Lokasi Projek:	
Jumlah Unit/Kategori kuarters:	

BIL.	KRITERIA PENILAIAN	SENARAI SEMAK	SEMAKAN		
			Ada	Tiada	Tidak Jelas
1.	<b>Need statement</b> - Cadangan pembangunan projek kuarters baharu memenuhi keperluan.	i. Jumlah unit kuarters yang ingin dibina dinyatakan dengan jelas			
		ii. Justifikasi cadangan projek kuarters baharu			
		iii. Keadaan kuarters sedia ada (jika ada) – kos senggara/ saiz/ jarak/ kuantiti/ keadaan keselamatan			
2.	<b>Kuarters sedia ada</b> yang berhampiran - Tiada unit kuarters kosong di sekitar kawasan cadangan pembangunan.	i. Senarai kuarters dan jumlah unit sedia ada yang berhampiran dinyatakan			
		ii. Bilangan unit kuarters kosong sedia ada yang berhampiran dinyatakan			
3.	<b>Kadar sewaan</b> rumah 10km radius daripada tapak cadangan pembangunan kuarters melebihi kadar potongan kuarters	i. Anggaran sewa rumah flat/ apartment/ teres.			
4.	<b>Rancangan Tempatan (RT)</b> bagi kawasan pembinaan - Terdapat perancangan Pembangunan Rancangan Tempatan di kawasan berhampiran.	i. Perancangan pembangunan/ pembinaan projek-projek lain di kawasan berhampiran dinyatakan			
5.	<b>Perjawatan</b> dan bilangan kuarters - Perjawatan bagi lokasi kuarters melebihi bilangan kuarters baru yang ingin dibina	i. Jumlah perjawatan cawangan agensi/jabatan (Daerah/Negeri) yang memohon pembinaan kuarters baru dinyatakan.			
		ii. Jumlah kuarters sedia ada cawangan agensi/jabatan (Daerah/Negeri) yang memohon dinyatakan.			

Disediakan oleh

Disemak oleh

.....

.....

**KRITERIA PENILAIAN BAGI PERAKUAN**  
**PROJEK KUARTERS BAHARU**

Kriteria penilaian pemarkahan ini dibangunkan sebagai panduan kepada Kementerian/Jabatan/Agensi bagi cadangan projek kuarters baharu Kerajaan Persekutuan sepertimana keperluan yang telah ditetapkan oleh Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025.

Permohonan perlu dikemukakan secara bertulis kepada Setiausaha Bahagian, Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (BPH, JPM) dengan menyertakan maklumat mengikut kriteria-kriteria seperti Jadual 1 di bawah bagi tujuan pertimbangan Jawatankuasa QAC.

Terma Rujukan Jawatankuasa menetapkan permohonan akan dipertimbangkan mengikut wajaran pemarkahan yang telah ditetapkan untuk setiap kriteria. **Markah minimum yang disyorkan bagi pemerakuan projek kuarters baharu adalah 80%.** Walau bagaimanapun, Jawatankuasa mempunyai hak untuk menetapkan markah minimum lain tertakluk kepada kesesuaian situasi.

**Jadual 1: Kriteria Pertimbangan Permohonan**

BIL.	KRITERIA	PENJELASAN	PEMARKAHAN		WAJARAN
1	<i>Need statement</i>	Perancangan pembangunan mampu memenuhi keperluan	Penuhi keperluan	30	<b>20%</b>
			Penuhi sebahagian keperluan	15	
			Tidak penuhi keperluan	0	
2	Kuarters sedia ada yang kosong di sekitar kawasan cadangan pembangunan	Bilangan kuarters sedia ada yang kosong di kawasan tersebut	Tiada kuarters kosong	30	<b>30%</b>
			Kuarters kosong tidak mampu memenuhi keperluan	15	
			Kuarters kosong melebihi keperluan	0	
3	Kadar sewa rumah di sekitar kuarters yang dibangunkan	Kadar sewa rumah sekeliling perlu lebih tinggi berbanding kadar potongan kuarters	Melebihi kadar potongan kuarters	30	<b>30%</b>
			Sama kadar potongan kuarters	15	
			Bawah kadar potongan kuarters	0	
4	Rancangan Tempatan (RT) bagi kawasan pembinaan	Kawasan pembangunan adalah bagi tujuan perumahan dalam RT yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan	Penuhi RT	30	<b>10%</b>
			Tidak memenuhi RT	0	
5	Perjawatan dan bilangan kuarters	Jumlah perjawatan perlu bersesuaian dengan bilangan kuarters dimohon	Perjawatan bagi lokasi kuarters melebihi bilangan kuarters dimohon	30	<b>10%</b>
			Perjawatan bagi lokasi kuarters adalah sedikit berbanding bilangan kuarters dimohon	0	

$$\text{Jumlah Markah} = \left( \frac{\text{Markah diperolehi setiap kriteria}}{\text{Markah keseluruhan setiap kriteria}} \times \text{Wajaran Kriteria} \right) + \dots \text{Kriteria } ^n$$





BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH  
JABATAN PERDANA MENTERI

# KERTAS PERTIMBANGAN

## PERMOHONAN PROJEK KUARTERS BAHARU

### KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI

### BAGI RANCANGAN MALAYSIA KE-12 (RMKE-12)

---

*NEW QUARTERS DEVELOPMENT APPROVAL COMMITTEE*  
BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH  
JABATAN PERDANA MENTERI

Seksyen Dasar Dan Pembangunan  
Bahagian Pengurusan Hartanah  
Jabatan Perdana Menteri  
🏠 Aras 6, Blok F6, Kompleks F  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1  
62000 PUTRAJAYA

☎ 03-8091 8844 / 8846

📠 03-8091 8836

🌐 <http://www.bph.gov.my/>

**Kertas Pertimbangan**  
**Permohonan Projek Kuarters Baharu Bagi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)**  
**AGENSI: [ CONTOH ] - JABATAN XXX MALAYSIA**

NO.	NAMA KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI	KRITERIA PERMOHONAN	MARKAH	CATATAN SYOR
1.	<p><b>Agensi Pemohon:</b>            Jabatan XXX            Aras 3-5, No.26, Jalan XX,            Persiaran Perdana, Presint 4,            62100 PUTRAJAYA</p> <p><b>Nama Projek:</b>            Cadangan Pembinaan Kuarters Kakitangan            Pejabat Cawangan Cameron Highlands, Pahang</p> <p><b>Perincian Projek:</b>            Cadangan pembinaan 40 unit kuarters            jenis pangsapuri berkeluasan 1,000 kaki persegi,            3 bilik tidur, 1 ruang tamu, 1 ruang makan, 1 dapur            dan 2 bilik air</p> <p><b>Tahun Pembinaan:</b>            -</p> <p><b>Kos Projek:</b>            RM 2 juta (10 unit x RM 200,000)</p> <p><b>Tarikh Permohonan QAC:</b>            14 Januari 2021</p>	<p>1. <b>Need statement</b></p> <p>i. Cadangan kuarters kakitangan XXX dibangkitkan berikutan sebab-sebab seperti berikut:</p> <p>a) Kos sara hidup yang tinggi di Cameron Highlands dan membebankan kakitangan yang berkhidmat di sana</p> <p>b) Kakitangan yang ditempatkan di XXX Cawangan Cameron Highlands enggan melapor diri kerana kesukaran mendapatkan tempat tinggal dan kos sewaan yang tinggi berbanding pendapatan bulanan yang diterima</p> <p>c) Prasarana yang boleh diadakan sebagai kediaman kekal dalam jangka masa yang panjang di Cameron Highlands adalah sangat terhad dan kos sewaannya juga sangat membebankan pegawai dan anggota XXX</p> <p>d) Kos utiliti bulanan semakin melonjak meningkatkan lagi kos tanggungan kakitangan yang berkhidmat di Cameron Highlands</p> <p>e) COLA bagi penjawat awam yang berkhidmat di Cameron Highlands adalah sebanyak RM 200.00 sahaja</p> <p>f) ITP bagi penjawat awam yang berkhidmat di Cameron Highlands adalah sebanyak RM 300.00 sahaja</p>	<p>30</p> <hr/> <p>30</p>	<p>Urus setia berpendapat justifikasi yang dikemukakan oleh Jabatan memenuhi keperluan.</p>

NO.	NAMA KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI	KRITERIA PERMOHONAN	MARKAH	CATATAN SYOR																																							
		<p><b>2. Kuarters sedia ada yang kosong di sekitar kawasan cadangan pembangunan.</b></p> <p>i. Jumlah kuarters Kerajaan di seluruh Cameron Highlands (CH) adalah sangat terhad iaitu 743 unit sahaja. Maklumatnya adalah seperti berikut:-</p> <table border="1" data-bbox="785 542 1373 1198"> <thead> <tr> <th>Jabatan</th> <th>Jenis</th> <th>Bilangan Unit</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Pejabat Daerah &amp; Tanah CH</td> <td>Pangsapuri</td> <td>129</td> </tr> <tr> <td>Ibu Pejabat Polis Daerah/ Balai Polis CH</td> <td>Pangsapuri</td> <td>52</td> </tr> <tr> <td>Jabatan/ Klinik Kesihatan CH</td> <td>Pangsapuri</td> <td>15</td> </tr> <tr> <td>Jabatan Kerja Raya CH</td> <td>Peres</td> <td>120</td> </tr> <tr> <td>Pejabat Pendidikan Daerah/ Sekolah CH</td> <td>Pangsapuri</td> <td>91</td> </tr> <tr> <td>Institut Penyelidikan &amp; Kemajuan Bersejarah CH</td> <td>Pangsapuri</td> <td>54</td> </tr> <tr> <td>Jabatan Pengaliran &amp; Saliran (JPSC)</td> <td>Pangsapuri</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>Majlis Daerah CH</td> <td>Pangsapuri</td> <td>22</td> </tr> <tr> <td>Jabatan Perhutanan Negeri Pahang Cawangan CH</td> <td>Pangsapuri</td> <td>12</td> </tr> <tr> <td>Pengurusan Air Pahang Berhad Cawangan CH</td> <td>Pangsapuri</td> <td>31</td> </tr> <tr> <td>Jabatan Bomba &amp; Penyelamat Cawangan CH</td> <td>Pangsapuri</td> <td>19</td> </tr> <tr> <td colspan="2" style="text-align: center;"><b>JUMLAH</b></td> <td style="text-align: center;"><b>743</b></td> </tr> </tbody> </table> <p>ii. Keutamaan diberikan kepada kakitangan jabatan pemilik kuarters</p> <p>iii. Kuarters yang disewa oleh kakitangan XXX Cawangan CH tidak lagi kondusif untuk diduduki</p>	Jabatan	Jenis	Bilangan Unit	Pejabat Daerah & Tanah CH	Pangsapuri	129	Ibu Pejabat Polis Daerah/ Balai Polis CH	Pangsapuri	52	Jabatan/ Klinik Kesihatan CH	Pangsapuri	15	Jabatan Kerja Raya CH	Peres	120	Pejabat Pendidikan Daerah/ Sekolah CH	Pangsapuri	91	Institut Penyelidikan & Kemajuan Bersejarah CH	Pangsapuri	54	Jabatan Pengaliran & Saliran (JPSC)	Pangsapuri	3	Majlis Daerah CH	Pangsapuri	22	Jabatan Perhutanan Negeri Pahang Cawangan CH	Pangsapuri	12	Pengurusan Air Pahang Berhad Cawangan CH	Pangsapuri	31	Jabatan Bomba & Penyelamat Cawangan CH	Pangsapuri	19	<b>JUMLAH</b>		<b>743</b>	<p>15 / 30</p>	<p>Terdapat kuarters lain di kawasan berhampiran, namun tidak mampu memenuhi keperluan.</p>
Jabatan	Jenis	Bilangan Unit																																									
Pejabat Daerah & Tanah CH	Pangsapuri	129																																									
Ibu Pejabat Polis Daerah/ Balai Polis CH	Pangsapuri	52																																									
Jabatan/ Klinik Kesihatan CH	Pangsapuri	15																																									
Jabatan Kerja Raya CH	Peres	120																																									
Pejabat Pendidikan Daerah/ Sekolah CH	Pangsapuri	91																																									
Institut Penyelidikan & Kemajuan Bersejarah CH	Pangsapuri	54																																									
Jabatan Pengaliran & Saliran (JPSC)	Pangsapuri	3																																									
Majlis Daerah CH	Pangsapuri	22																																									
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang Cawangan CH	Pangsapuri	12																																									
Pengurusan Air Pahang Berhad Cawangan CH	Pangsapuri	31																																									
Jabatan Bomba & Penyelamat Cawangan CH	Pangsapuri	19																																									
<b>JUMLAH</b>		<b>743</b>																																									

NO.	NAMA KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI	KRITERIA PERMOHONAN	MARKAH	CATATAN SYOR
		<p><b>3. Kadar Sewa Rumah di sekitar kuarters yang dibangunkan</b></p> <p>i. Sewaan sebuah bilik adalah sebanyak RM 500.00/ seorang/ sebulan</p> <p>ii. Sewaan sebuah rumah pangsapuri kos rendah (2 bilik) adalah sebanyak RM 1,200.00/ seorang/ sebulan</p>	<p>30</p> <hr/> <p>30</p>	<p>Kadar sewa rumah di sekitar kuarters yang akan dibangunkan melebihi kadar potongan kuarters.</p>
		<p><b>4. Rancangan tapak (RT) bagi kawasan pembinaan</b></p> <p>i. PR1MA di Tanah Rata Cameron Highlands</p> <p>ii. Akses yang mudah ke pejabat-pejabat Kerajaan, urusan niaga komersial dan prasarana asas serta kawasan tumpuan orang ramai</p> <p>iii. Jarak Pejabat xxx dan cadangan tapak projek kuarters adalah 2.3 km (7 minit dengan menaiki kenderaan)</p>	<p>30</p> <hr/> <p>30</p>	<p>Cadangan kuarters dalam kawasan Projek Perumahan PR1MA yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan.</p>

NO.	NAMA KEMENTERIAN/JABATAN/ AGENSI	KRITERIA PERMOHONAN	MARKAH	CATATAN SYOR																		
		<p><b>5. Perjawatan dan bilangan kuarters</b></p> <p>i. Jumlah penjawatan bagi Pejabat Cawangan Cameron Highlands adalah seramai 18 orang seperti perincian berikut:</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Gred</th> <th>Jumlah</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Gred 38</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>Gred 35</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>Gred 28</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>Gred 26</td> <td>1</td> </tr> <tr> <td>Gred 22</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>Gred 19</td> <td>11</td> </tr> <tr> <td><b>JUMLAH</b></td> <td><b>18</b></td> </tr> </tbody> </table>	Gred	Jumlah	Gred 38	1	Gred 35	1	Gred 28	1	Gred 26	1	Gred 22	3	Gred 19	11	<b>JUMLAH</b>	<b>18</b>	<table border="1"> <tr> <td style="text-align: center;"><b>30</b></td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;"><b>30</b></td> </tr> </table>	<b>30</b>	<b>30</b>	Perjawatan bagi lokasi kuarters adalah melebihi bilangan kuarters dimohon (10 unit)
Gred	Jumlah																					
Gred 38	1																					
Gred 35	1																					
Gred 28	1																					
Gred 26	1																					
Gred 22	3																					
Gred 19	11																					
<b>JUMLAH</b>	<b>18</b>																					
<b>30</b>																						
<b>30</b>																						

<p><b>Jumlah Markah:</b></p> <div style="border: 1px solid black; width: 80px; height: 80px; margin: 10px auto; position: relative;"> <span style="position: absolute; top: 5px; left: 5px;">85</span> <span style="position: absolute; bottom: 5px; right: 5px;">100</span> </div>	<p><b>Keputusan Mesyuarat:-</b></p> <table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 80%;">LULUS</td> <td style="width: 20%; text-align: center;">X</td> </tr> <tr> <td>GAGAL</td> <td></td> </tr> <tr> <td>PERTIMBANGAN SEMULA</td> <td></td> </tr> </table>	LULUS	X	GAGAL		PERTIMBANGAN SEMULA	
LULUS	X						
GAGAL							
PERTIMBANGAN SEMULA							

Surat Keputusan Pemerakuan Permohonan Projek Kwarters Baharu  
Kementerian/Jabatan/ Agensi Bagi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)

BPH.D.100-6/1/10 ( 13 )  
Februari 2021

Ketua Pengarah  
Unit Perancang Ekonomi  
Jabatan Perdana Menteri  
Setia Perdana 5 & 6, Kompleks Setia Perdana  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62502 PUTRAJAYA**

YBhg. Datuk,

**KEPUTUSAN PENILAIAN DAN PERAKUAN PEMBINAAN  
PROJEK KUARTERS BAHARU DI KEMENTERIAN, JABATAN  
DAN AGENSI PERSEKUTUAN**

Izinkan saya menarik perhatian YBhg. Datuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti makluman YBhg. Datuk, Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (BPH, JPM) telah menubuhkan Jawatankuasa Pemerakuan Kwarters Baharu atau *New Quarters Development Approval Committee* (QAC) bertujuan untuk menilai dan memperaku sebarang cadangan pembinaan kwarters baharu Kerajaan Persekutuan. Penubuhan Jawatankuasa ini selaras dengan peruntukan di dalam Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025 bertarikh 19 Disember 2019.

3. Sukacita jua dimakluman bahawa, BPH, JPM telah mempertimbangkan permohonan projek kuarters baharu Kementerian/Jabatan/Agensi Bagi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) seperti di **Lampiran 1** untuk diperakukan kepada pihak YBhg. Datuk sepertimana termaktub di dalam Garis Panduan Penyediaan Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021 – 2025

4. Perhatian YBhg. Datuk berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(XXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXXX)**

b.p.: Ketua Setiausaha Negara

s.k.:

- i. Ketua Setiausaha Negara  
Aras 4, Blok Timur  
Bangunan Perdana Putra  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62502 PUTRAJAYA**

- ii. Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Kementerian Kewangan Malaysia  
Aras 10, Blok Tengah  
Kompleks Kementerian Kewangan  
No.5, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62592 PUTRAJAYA**
- iii. Timbalan Ketua Setiausaha Kanan  
Jabatan Perdana Menteri  
Aras 4, Blok Timur  
Bangunan Perdana Putra  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62502 PUTRAJAYA**
- iv. Kementerian Pemohon 1  
Alamat  
**62502 PUTRAJAYA**
- v. Kementerian Pemohon 2  
Alamat  
**62502 PUTRAJAYA**
- vi. Kementerian Pemohon 3  
Alamat  
**62502 PUTRAJAYA**